



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 28 JULAI 2022**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN // JABATAN // AGENSI |
|----------------------------------|--|---|
| 1. | BEKALAN BERAS NEGARA STABIL, MAMPU TAMPUNG KEPERLUAN RAKYAT, HAKAH DAILY -ONLINE | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 2. | BURU TALI BARUT NELAYAN ASING, DALAM NEGERI, UM -12 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 3. | THE OPENING OF THE FARMER'S MARKET HELPS CONSUMERS GET ESSENTIAL GOODS AT A CHEAP PRICE, TV1 -ONLINE | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 4. 5. 6. 7. 8. 9. | LEBIH 100,000 KUNJUNGI HARI PELADANG, KELANTAN, HAKAH -H11 LEMBU Kerdil Terjual RM14,500 Sama Macam Lembu Sado, Lokal, HM -27 TEKNOLOGI DRON TARIK PERHATIAN Sambutan Hari Peladang, FIKRAH, HAKAH -F7 ISU TELUR, Babi Hangatkan Dun Melaka, Negeri Melaka, SH -24 KEALPAAN SILAM Punca Krisis Makanan Parah, RENCANA, BH -12 INOVASI ARANG JADI BAJA Penggalak Tanaman, GAYA INOVASI, UM - 24 & 25 | LAIN-LAIN |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|---------------|---------|------------|
| 28/7/2022 | HARAKAH DAILY | ONLINE | |

Bekalan beras negara stabil, mampu tampung keperluan rakyat



KUALA LUMPUR: Tidak dapat disangkal peningkatan harga barangan dan juga gangguan dalam rantai bekalan membabitkan beberapa jenis barang keperluan seperti minyak masak dan telur ayam yang kini dihadapi negara meresahkan pengguna.

Ditambah pula ada badan dunia yang tidak putus-putus memberi ingatan tentang ancaman krisis makanan yang berpotensi dialami oleh kebanyakan negara, jika beberapa isu semasa termasuk perubahan iklim dan konflik Rusia-Ukraine, iaitu negara “bakul makanan dunia”, tidak ditangani dengan baik pada kadar segera.

Mungkin bersandarkan situasi berkenaan, ada segelintir yang tertanya-tanya tentang bekalan beras negara memandangkan Malaysia masih perlu mengimport sebahagian daripada makanan ruji rakyat itu untuk menampung keperluan domestik.

Tidak perlu bimbang, demikian jawab Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Kiang baru-baru ini yang menjelaskan bekalan beras negara kekal stabil dan mampu menampung keperluan rakyat sekalipun berlaku kecemasan.

Menurut MAFI, hal itu dapat dilihat semasa kemuncak penularan pandemik Covid-19 apabila ada negara mengalami gangguan bekalan makanan utama mereka, namun bekalan beras Malaysia kekal stabil.

Bukan sahaja mudah didapati, harga beras negara juga adalah yang terendah dalam kalangan negara ASEAN termasuk pengeksport beras dunia seperti Thailand dan Vietnam yang masing-masing pada harga RM2.70 dan RM3.34 sekilogram berbanding Malaysia hanya RM2.60.

Stok penimbal beras

Menurut MAFI, pengeluaran padi dan beras negara semasa mampu menampung 70 peratus keperluan domestik dengan bakinya diimport antaranya dari Vietnam, Thailand, India dan Pakistan.

Sekalipun begitu, menurut Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras, Bahagian Pembangunan Industri Padi MAFI Azman Mahmood, stok dagangan beras negara sentiasa stabil pada kadar 600,000 hingga 700,000 tan pada satu-satu masa.

“Jumlah ini merangkumi beras yang ada di tangan pemborong dan peruncit, hasil tuaian padi yang belum diproses menjadi beras, beras import yang belum dipunggah dan masih berada di atas kapal dan lain-lain.

“Sekiranya jumlah stok penimbal turut diambil kira, maka keseluruhan stok adalah mencukupi untuk menampung keperluan beras negara tanpa beras import bagi tempoh empat hingga lima bulan,” jelasnya kepada Bernama baru-baru ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata pada masa sama, MAFI dan Padiberas Nasional Berhad (Bernas) sedang menggandakan stok penimbal beras secara berperingkat daripada 150,000 tan kepada 290,000 tan menjelang tahun depan, demi meningkatkan sekuriti bekalan bagi menghadapi sebarang kejadian luar jangka.

“Penambahan stok penimbal ini tidak melibatkan sebarang peruntukan kewangan daripada kementerian. Ketika ini stok penimbal tersebut berada pada kadar 88.52 peratus iaitu 221,311 tan dan akan mencapai sasaran peningkatan iaitu 250,000 tan pada akhir 2022.

“Penambahan stok penimbal ini akan dilaksanakan sehingga mencapai sasaran yang ditetapkan tanpa mengambil kira faktor luaran seperti pandemik, perubahan iklim dan sebagainya,” katanya lagi.

Penyeliaan stok penimbal beras nasional diuruskan sepenuhnya oleh Bernas dan merupakan antara klausa obligasi sosial yang terkandung dalam perjanjian konsesi di antara kerajaan dan syarikat itu bagi tempoh 2021 hingga 2031.

Menerusi perjanjian konsesi itu, Bernas perlu memelihara, mengurus, menyelenggara dan mengekalkan stok penimbal beras pada kadar semasa yang ditetapkan oleh kerajaan.

Capai sasaran SSL

Bagi memastikan bekalan beras negara kekal mencukupi, kerajaan melaksanakan beberapa langkah, antaranya menggalakkan golongan belia menceburi bidang pertanian bagi menggantikan golongan pesawah yang semakin berusia, memastikan pihak berkepentingan memanfaatkan Internet of Things (IoT) dan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0) serta menggandakan usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menghasilkan varieti benih baharu yang lebih rintang serangan penyakit tumbuhan.

Kementerian juga pada masa sama sedang dan akan memperkenalkan beberapa program untuk mengurangkan impak pelbagai faktor global yang sedang didepani oleh industri itu.

“Antaranya, menambah subsidi racun makhluk perosak sebanyak RM62 juta pada tahun ini bagi menyerap kenaikan kos bahan input tersebut yang meningkat dengan ketara di peringkat global, memperkenalkan takaful pertanian bagi menangani kerosakan tanaman padi akibat bencana alam, memperkenalkan penggunaan baja organik bagi tujuan merawat tanah selain mengurangkan penggunaan baja kimia dan sebagainya.

“Semua program itu bertujuan mencapai tahap sara diri (SSL) beras negara sebanyak 75 peratus menjelang akhir tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) 2021-2025 dan sebanyak 80 peratus menjelang akhir tempoh Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0),” katanya.

Kurangkan kebergantungan import

Bernas yang merupakan pengimport tunggal beras negara sejak 1990-an, membawa masuk hingga 800,000 tan beras setahun dengan majoritinya ialah beras putih dan bakinya beras speciality atau beras khusus yang sukar ditanam di negara ini seperti basmati.

Sekalipun begitu, trend mengimport beras wajar dikurangkan, mengambil kira ancaman sekuriti makanan yang dihadapi dunia sekarang disebabkan oleh beberapa faktor seperti perubahan iklim dan konflik politik.

Mengakui perkara itu, Azman berpendapat kerajaan memerlukan satu lonjakan drastik bagi meningkatkan produktiviti padi domestik.

“Walaupun pelbagai program, bantuan dan insentif daripada kerajaan bernilai berbilion ringgit dilaksanakan saban tahun, analisis kementerian mendapati kedua-dua kawasan jelapang dan luar jelapang masih gagal memberikan produktiviti yang memuaskan.

“Sudah sampai masanya pihak swasta turut diberikan peluang memainkan peranan menerajui industri padi dan beras negara bagi menyuntik semangat baharu kepada industri ini dengan memanfaatkan sumber modal pembiayaan swasta semaksimum mungkin.

“Kementerian berhasrat untuk menarik pelaburan swasta bagi menjadikan industri padi dan beras negara lebih dinamik dan berdaya saing,” katanya, menambah keperluan bekalan padi bagi pemprosesan beras domestik dijangka terus meningkat.

Menyentuh mengenai Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB), beliau berkata program itu menyasarkan peningkatan purata hasil padi nasional kepada tujuh tan sehektar dalam tempoh RMK-12 berbanding purata hasil semasa sekitar 3.5 hingga 4.3 tan sehektar.

“Dalam tempoh jangka panjang, program ini menyasarkan pembangunan kawasan sawah seluas 150,000 hektar semusim atau 300,000 hektar kawasan bertanam setahun yang bakal meningkatkan pendapatan petani hingga 180 peratus,” kata Azman, menambah MAFI yakin sasaran SSL 75 peratus menjelang akhir 2025 dapat dicapai.

Bagi tujuan itu, beliau berkata MAFI berharap kerajaan negeri tidak mengubah status rizab kawasan pertanian, sama ada di dalam atau di luar jelapang, kepada sektor lain.

“Peranan pemain industri, badan bukan kerajaan dan pesawah penting bagi menjadikan industri padi dan beras negara berdaya saing sekali gus meningkatkan sekuriti bekalan makanan negara,” katanya.

Setakat ini program rintis SMART SBB berjaya menarik minat 24 buah syarikat yang terdiri daripada badan berkaitan kerajaan dan pihak swasta yang telah dilantik sebagai Syarikat Peneraju program.

Ulasnya lagi, MAFI, melalui Agrobank akan memperkenalkan insurans agromakanan dengan padi dipilih sebagai perintis di bawah SMART SBB.

Katanya langkah itu dapat membantu memastikan pesawah menerima ganti rugi atau pampasan yang setimpal sekiranya berlaku musibah seperti banjir, kemarau atau ribut yang menjejaskan pengeluaran padi mereka.

Sedia hadapi kemungkinan

Sementara tu, profesor di Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) yang juga Ahli Majlis Penasihat Pertanian Negara Prof Datuk Dr Mad Nasir Shamsudin berkata berbeza dengan sektor perindustrian, sektor pengeluaran makanan lebih terdedah kepada pelbagai risiko dan ketidakpastian yang sukar diramal.

Justeru katanya pengurusan risiko pasaran perlu dibangunkan, melibatkan pemantauan situasi dan ramalan harga, perancangan kesediaan kecemasan melalui amaran awal serta memperkenalkan langkah-langkah pencegahan bencana alam seperti skim pengairan, kawalan banjir dan juga skim insurans pengeluaran makanan.

Pihak berkuasa juga perlu memantau harga makanan secara berterusan selain memastikan keberkesanan penyaluran input pertanian kepada petani serta kelancaran operasi logistik rangkaian bekalan makanan, sekali gus menjamin aliran perdagangan yang lancar dan memanfaatkan keseluruhan pasaran.

“Ekosistem pertanian bukan sahaja penting untuk sekuriti makanan tetapi juga untuk keseimbangan ekologi. Antara yang perlu ditimbang ialah mencontohi model pengeluaran tanaman industri khususnya kelapa sawit yang ada kewujudan bersama di antara syarikat besar dan pekebun kecil... faktor kejayaan ini perlu dicontohi dalam sektor pengeluaran padi.

“Sektor pengeluaran padi juga wajar diusahakan oleh golongan usahawan bagi memastikannya dapat dibangunkan menjadi sektor yang moden, berdaya saing dan komersial,” katanya, menambah program SMART SBB perlu terus diperluas.

Beliau turut memetik laporan tenaga kerja tahun lepas yang menyebut hanya sekitar 15 peratus daripada 1.4 juta belia di negara ini terlibat dalam pertanian yang menurutnya boleh dipertingkat menerusi program pendidikan dan insentif.

Remajakan sektor pertanian

Beliau turut menyarankan Malaysia mencontohi Vietnam dan Thailand dalam meningkatkan pengeluaran beras, berikutan kedua-dua negara tersebut mempunyai struktur ekonomi yang mirip dengan Malaysia.

Vietnam dan Thailand merupakan antara pengeluar beras terbesar dunia (termasuk untuk kegunaan sendiri), dengan masing-masing merekodkan 27.4 juta dan 18.9 juta tan pada 2020, menyusuli China (148.3 juta tan), India (122.27 juta tan), Indonesia (35.3 juta tan) dan Bangladesh (34.6 juta tan).

“Thailand mempunyai Strategi dan Dasar Padi dan Beras (2017–2021). Antara strategi pengeluaran beras negara itu ialah menetapkan rancangan penstrukturan semula untuk mengurangkan pengeluaran berlebihan agar sesuai dengan permintaan.

“Secara terperinci, kawasan tanaman yang ada dikelaskan kepada dua, iaitu kawasan sesuai dan tidak sesuai. Untuk kawasan sesuai, peningkatan kecekapan pengeluaran dan kualiti produk akan diberi penekanan manakala bagi kawasan tidak sesuai, pertanian campuran atau pertukaran aktiviti lain akan dipromosikan dengan memberi insentif kepada petani.

“Bagi mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan kualiti produk, teknologi yang sesuai dipindahkan kepada pesawah secara meluas melalui Amalan Pertanian Baik (GAP) selain mempromosi produk yang mempunyai nilai tambah termasuk melalui kursus dan latihan mengenai pemprosesan, pembungkusan dan pengembangan jenama,” jelasnya.

GAP merangkumi inovasi dan pelaburan dalam teknologi sistem pertanian seperti penderia tanah dan air, pengesanan cuaca, pengimejan satelit, automasi, teknologi minikromosom, pertanian menegak, kecerdasan buatan, nanoteknologi, aplikasi GPS, robot dan pertanian ketepatan.

“Dalam menggunakan teknologi ini misalnya, petani tidak lagi perlu menggunakan air, baja dan racun perosak secara seragam di seluruh ladang. Sebaliknya, mereka boleh menggunakan kuantiti minimum yang diperlukan dan menyasarkan kawasan yang sangat khusus untuk merawat tanaman secara berbeza,” katanya. – **BERNAMA**

Buru tali baru nelayan asing

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarahrahim@mediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Penglibatan individu tempatan yang menjadi tali baru kepada nelayan asing perlu diburu habis-habisan atas tindakan mereka membebankan penjenayah lautan itu menceroboh perairan negara.

Menegaskan perkara itu kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Laiksamana Maritim Danuk Mohd. Zubil Mat Som berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan wujudnya persengkongkolan itu dan ia dalam radar pemantauan agensi berkenaan.

Menurut beliau, ini memandangkan penguatkuasaan Maritim Malaysia hanya melibatkan tangkapan bot dan war-ga asing berkaitan kesalahan pencerobahan perairan negara di bawah Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63.

"Buat masa sekarang kes tangkapan yang melibatkan nelayan atau bot tempatan tidak ada dalam rekod, namun tidak mustahil ada penglibatan mereka, cuma kita masih memantau dan mengumpul maklumat isu ini."

"Pada masa sama, Maritim Malaysia terus memantau kawasan panas yang dikenal pasti dan menguatkuasakan undang-undang semasa jika negara-negara terlibat masih meneruskan aktiviti mereka di kawasan perairan negara Zon Ekonomi



MOHD. ZUBIL MAT SOM (kanan) meninjau empat bot nelayan Vietnam yang ditahan menerusi Op Kuda Laut Siri 3/2021 kerana menceroboh perairan negara. - UTUSAN/PUOTRA HAIRRY ROSLI

Eksklusif (ZEE)," katanya di sini semalam.

Mohd. Zubil berkata, sejumlah 678 bot melibatkan 6,189 nelayan asing ditahan Maritim Malaysia dalam tempoh lima tahun sejak 2017 dengan nilai rampasan berjumlah hampir RM1.02 bilion.

Kata beliau, tangkapan itu melibatkan negara-negara yang bersempadan perairan Malaysia dengan nelayan Vietnam, paling

ramai ditahan iaitu 5,617 melibatkan 567 buah bot dari negara berkenaan.

Ini diikuti Indonesia berjumlah 349 nelayan melibat 71 buah bot ditahan, China (142 nelayan, 13 bot); Thailand (56 nelayan, 35 bot); Taiwan (10 nelayan, 2 bot); Filipina (8 nelayan); Myanmar (6 nelayan); Kemboja (1 nelayan).

Beliau turut mendedahkan, modus operandi pencerobahan

yang dikenal pasti adalah bot nelayan asing akan membuat penyamaran sebagai bot nelayan tempatan dengan menukarkan nombor pendaftaran supaya dari jauh kelihatan seperti bot tempatan.

Katanya, mereka juga akan memalsukan dokumen bot berkaitan dengan kebenaran menangkap ikan di kawasan Malaysia dan awak-awak asing.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|-------|---------|------------|
| 26/7/2022 | TV1 | ONLINE | |

THE OPENING OF THE FARMER'S MARKET HELPS CONSUMERS GET ESSENTIAL GOODS AT A CHEAP PRICE



Lebih 100,000 kunjungi Hari Peladang

BACHOK: Biarpun ber-tembung dua program besar di Kelantan minggu lepas namun sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan (HPPNK) berjaya menarik lebih 100,000 pengunjung.

Program tersebut diadakan di Pantai Irama bermula 21 hingga 25 Julai lepas. Selain itu ekspo Aspira Jelajah Keluarga Malaysia pula diadakan di perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV pada 22 hingga 24 Julai lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, hadiah cabutan bertuah seekor kambing disediakan setiap hari sepanjang program itu

berlangsung.

Katanya, faktor itu menjadi penarik orang ramai hadir ke program tersebut sehingga malam.

“Di samping itu terdapat pelbagai aktiviti, pertandingan, gerai jualan, pameran, sukan rakyat dan persembahan kesenian warisan Kelantan.

“Saya merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada semua yang terlibat terutamanya 44 gerai pameran oleh jabatan dan agensi kerajaan negeri dan Persekutuan serta 11 usahawan florikultur dan 31 usahawan Industri Asas Tani,” katanya pada perasmian penutup HPPNK 2022 pada Isnin.

Menurutnya juga jumlah hasil jualan usahawantani di jualan florikul-



Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail menyampaikan sijil penyertaan kepada wakil agensi.

tur dan Industri Asas Tani melebihi RM360,541.00.

Sementara itu johan bagi reruai dimenangi Lembaga Nenas Negara dan juara Pertandingan Video Pendek ‘DUHA’ - Dun Usahawantani Al Fa-

lah.

Manakala seorang bu-ruh, Ismail Yajid, 57 dari Kampung Chap, Jelawat, terpilih menerima hadiah utama cabutan bertuah seekor lembu. - UPKN

Lembu kerdil terjual RM14,500 sama macam lembu sado

Kuala Terengganu: Walaupun bersaiz kerdil dengan tinggi 0.7 meter serta seberat 90 kilogram, namun seekor lembu Brahman milik seorang penternak dijual pada harga RM14,500.

Lembu betina itu dijual kepada seorang peminatnya secara tunai pada Hari Peladang, Penternak, Nelayan Negeri Kelantan (HPPNK) baru-baru ini.

Pemilik asalnya, Mohd Affandi Saat, 38, berkata, dia membeli lembu kerdil itu daripada seorang penternak di Kampung Kemuning, Pengkalan Chepa, Kelantan.

"Uniknya lembu kerdil ini kerana ia kerdil semula jadi dan bukan berasal daripada lembu baka kerdil.

"Jika ditukarkan ia daripada baka lembu Brahman yang terkenal dengan ketinggian, tetapi lembu itu dilahirkan kerdil. Sejak ia berusia tujuh bulan, saya memujuk pemilik asalnya




MOHD AFFINDI (Kiri) menunjukkan perbezaan saiz lembu jenis Brahman seberat 90 kilogram dengan hannya setinggi 0.7 meter itu berbanding lembu normal.

untuk menjual lembu itu kepada saya, tetapi pemiliknya enggan," katanya.

Tambahnya, selepas lembu kerdil itu berusia setahun sembilan bulan, pemilik bersedia menjualnya kepadanya.

"Sebaik membeli lembu ini, saya memuat naik gambarnya di media sosial kerana sebelum ini, lembu kerdil itu tidak pernah dihebohkan kepada orang ramai.

"Jangkaan saya tepat apa-



MOHD AFFINDI (Kiri) bersama lembu kerdil jenis Brahman pada Hari Peladang, Penternak, Nelayan Negeri Kelantan (HPPNK).

wa lembu itu ke HPPNK di Pantai Irama, Bachok sebagai ternakan pameran.

"Saya tak sangka lembu ketika ditemui.



Anggota Exco Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail meyerampalkan sijil kepada pemenang pertandingan lembu hibrid.

Teknologi dron tarik perhatian sambutan Hari Peladang

Oleh ASLANI M

SAMBUTAN Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat negeri Kelantan yang diadakan di Pantai Irama, Bachok bermula 21 hingga 25 Julai lalu mempamerkan pelbagai inovasi baharu bidang pertanian.

Orang ramai berpeluang melihat dron yang kini digunakan dalam bidang pertanian terutamanya aktiviti pembajaan dan semburan racun.

Penggunaan dron juga dapat mengurangkan risiko manusia terdedah terhadap bahan kimia, racun perosak dan baja yang boleh menjejaskan kesihatan.

Dron melakukan kerja secara optimum dan semburan dibuat secara rata.

Selain itu tekanan kipas dron menghasilkan aliran angin ke bawah dan membuka pokok padi supaya bahan kimia sampai ke pangkal tumbuhan.

Kerja-kerja yang dilakukan dron menjimatkan masa dan tenaga petani. Malah teknologi dron juga dapat mengesan tanaman dijangkiti penyakit lebih awal menggunakan kamera inframerah.

Kamera yang ada pada dron membolehkan petani

mengesan lebih awal kehadiran kulat dan bakteria dalam tumbuhan.

Orang ramai juga berpeluang membeli anak pokok buah-buahan yang dinovasi dari makmal termasuk benih pisang yang dihasilkan makmal Felda Global Ventures (FGV) di Pahang.

Menurut jurucakap FGV anak pokok Pisang Berangan paling laku apabila menjadi rebutan orang ramai yang dijual dengan harga RM10 untuk 4 pokok.

Pelajar Politeknik Kota Bharu di Kok Lanas pula menjual produk baja kompos yang sesuai untuk tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan. Produk tersebut dihasilkan pelajar jurusan teknologi pertanian.

Malah, ada petani dan pengusaha yang mendapatkan maklumat daripada pegawai Mardi mengenai cara menghasilkan makanan ternakan.

Meraka berusaha mencari alternatif daripada sumber tempatan memandangkan bahan makanan ternakan sekarang melonjat tinggi di pasaran.

Ekoran itu booth Mardi yang menjual pelbagai buku berkaitan bidang pertanian mendapat sambutan. Orang ramai membeli pelbagai jenis buku berkaitan penanaman buah-buahan.

Buku paling laris berkaitan penanaman durian dan kaedah menghasilkan makanan ternakan.

Pelajar sekolah pula berpeluang mengenali buah

Harakah Fikrah

011 3706 | 29 ZULHJAH 1443 - 2 MUHARAM 1444 / 29 - 31 JULAI 2022



Buah nanas yang disusun membentuk seperti replika nenas gergasi.



Buah-buahan tradisional yang semakin dipupuk generasi sekarang.

tradisional yang menjadi kegemaran masyarakat Melayu tradisional.

Antaranya buah ara, nona, binjai, kelubi, asam gelugur, sekiat, kuini, kedondong dan pelbagai lagi.

Turut dipamerkan buah nangka, labu, timun Cina dan ubi kayu gergasi yang menarik perhatian orang ramai.

Ruang pameran lembu sado juga mendapat sambutan, apabila ada pengunjung mengambil peluang bergambar dengan lembu sado yang berharga lebih RM10,000.

Lokasi sambutan Hari Peladang tahun ini terletak di tepi pagtal bersebelahan pusat pelancongan Pantai Irama.

Pameran tersebut memperlihatkan

kesungguhan Kelantan mempertahankan sebagai sebuah negeri pertanian.

Menteri Besar Ustaz Dato' Bentara Kanan Ahmad Yakob berkata, usaha terbabit turut digarap menerusi gagasan Bertani Satu Ibadah yang dilancarkan sejak lebih 10 tahun lalu.

Sejak awal 1990-an, agenda bagi mempertahankan Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara digerakkan.

"Insya-Allah kita akan pertahankan dasar tersebut, kita memikirkan kaedah untuk menambahbaik sektor pertanian.

"Ini supaya tanah dapat diguna dan diusahakan bagi mengatasi masalah kekurangan makanan," katanya pada perasmian sambutan tersebut.



Orang ramai hadir pada sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri Kelantan.



Teknologi dron kini digunakan secara meluas dalam bidang pertanian.

Isu telur, babi hangatkan DUN Melaka

Berlaku perang mulut antara wakil rakyat kerajaan dengan pembangkang

Oleh **NOR FARHANA YA'ACOB**
MELAKA

Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka gamat seketika dengan pertanyaan berkaitan 'telur dan babi' oleh Low Chee Leong (DAP - Kota Laksamana), kepada Exco Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Datuk Abdul Razak Abdul Rahman.

Selesai bangun memberikan soalan tambahan tentang pendidikan kerajaan negeri menyasarkan rakyat mengurangkan makan telur dan perancangan membina lokasi baharu penternakan babi di Kuala Sungai Baru, Rosli Abdullah (BN - Kuala Linggi) terus mencelah.

"Kami di Kuala Linggi tak sanggup terima penternakan babi lagi," katanya. Mohd Helmy Abdul Halim (BN - Duyong) turut berseloroh meminta Kuala Linggi bangun.

"Kuala Linggi bangun, takkan nak biarkan Kuala Linggi tempat ternak babi," katanya. Abdul Razak yang mahu



Abdul Razak menjawab soalan yang diberikan dalam persidangan DUN Melaka di Seri Negeri, Ayer Keroh pada Rabu.

bertanyakan semula soalan kepada Chee Leong bagaimanapun terpaksa meneruskan hujajahnya, selepas Speaker DUN, Datuk Ibrahim Durum menegur dan meminta beliau terus menjawab soalan.

"Tolong jawab dua soalan terus," kata Ibrahim.

Abdul Razak akur dan memberikan jawapan bahawa pihaknya bersedia menjawab apa sahaja soalan sama ada berkaitan telur, babi dan juga sawi.

Ujarnya, kenyataan kurangkan memakan telur itu adalah pendapat peribadi dan bukan pendirian kerajaan negeri kerana setiap keputusan kerajaan negeri mestilah diluluskan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Melaka

terlebih dahulu.

Baru-baru ini tular di media sosial kenyataan didakwa dibuat Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka, Norena Jaafar yang menasihatkan orang ramai mengurangkan pengambilan telur berkaitan kenaikan harga telur.

Menjawab soalan kedua berkaitan perancangan untuk membuka lokasi baharu penternakan babi, Abdul Razak berkata, setakat ini kerajaan negeri belum bercadang untuk menambah kawasan penternakan.

"Sehingga kini Paya Mengkuang belum bebas daripada wabak Demam Babi Afrika (ASF). Oleh itu tiada aktiviti penternakan dijalankan buat masa ini," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|---------------|---------|------------|
| 28/7/2022 | BERITA HARIAN | RENCANA | 12 |

Kealpaan silam punca krisis makanan semakin parah

• Dasar kerajaan sebelum ini, tiada sokongan besar punca negara gagal janakan pertumbuhan pesat dalam sektor makanan,

• Perubahan besar polisi, struktur untuk bina sektor makanan lestari perlukan kemahiran digital dan teknologi termaju



Oleh Prof. Dr. Fatimah Mohamed Arshad
bhrencana@bh.com.my

Beberapa naratif terselrah daripada krisis makanan negara, sekali gus membongkar kealpaan silam serius hingga berlaku krisis itu, inflasi dan kos kehidupan tinggi. Walaupun ia gejala global, kekurangan makanan dalam negara adalah blikin sendiri.

Memahami hal ini akan dapat memberi pencerahan kepada jalan perbaharuan mendepani cabaran perubahan cuaca dan ketidaktentuan.

Felo Laboratori Kajian Dasar Pertanian dan Makanan UPM

Pertama, krisis makanan lebih parah disebabkan kekurangan pengeluaran makanan tempatan, iaitu legasi polisi silam. Ia tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan makanan tempatan, lantas menyumbang inflasi harga, selain inflasi diimport, terutama harga petrol dan baja.

Sektor makanan negara gagal menjanakan pertumbuhan pesat berbanding sektor sawit menerima sokongan besar kerajaan sebelum ini.

Kedua, pengeluaran makanan di bawah potensi walaupun negara kaya dengan sumber asli dan ketersediaan aplikasi teknologi termaju. Malaysia memiliki kekayaan sumber asli seperti tanah, air, cahaya suria, sungai, lautan, biodiversiti kedua terkaya di dunia, biojisim serta infrastruktur.

Negara kurang sumber asli seperti Israel, Belanda dan beberapa negara Asia Barat berjaya mengeksport makanan dibantu teknologi. Potensi besar gabungan sumber asli serta teknologi termaju tidak digembeng sepenuhnya di negara ini.

Ketiga, Malaysia mengimport makanan dan input yang boleh dikeluarkan sendiri sedangkan negara tidak perlu berbuat demikian untuk barangan seperti buah dan sayur tropika serta daging. Pengalaman di negara maju menunjukkan tanah bukanlah sumber produktiviti utama, tetapi teknologi termaju mengurangkan kebergantungan kepada buruh dan tanah luas. Contoh terbaik, Israel dan Belanda.

Kesannya, negara terpaksa mengimport output makanan dan input pengeluaran makanan. Pergantungan menyebabkan negara mudah rapuh apabila dilanda kejutan perdagangan seperti sekurang. Ditambah produktiviti rendah, kos pengeluaran tinggi melemahkan pertumbuhan dan daya saing sektor ini.

Keempat, krisis mendedahkan beberapa defisit ketara dalam sektor makanan membantutkan pertumbuhan.

• Defisit perdagangan makanan kian membesar dari tahun ke tahun dengan pertumbuhan eksport masih lembap. Pandemik dan inflasi menyebabkan nilai import melonjak tinggi kepada RM38.4 bilion dan defisit mencecah RM26 bilion.

• Defisit dalam tahap sara diri (SSL) makanan menurun untuk semua kategori makanan, iaitu pengeluaran sentiasa kurang daripada penggunaan.

• Defisit dalam inovasi keluaran. Peningkatan dalam keluaran bernilai tambah makanan masih terbatas.

• Defisit dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pengembangan adalah faktor utama menyebabkan produktiviti makanan dan nilai

tambah rendah dan kerugian lepas tuai tinggi. • Defisit aplikasi teknologi termaju. Melsinkan e-dagang, aplikasi teknologi maju dalam proses pengeluaran dan pemasaran makanan masih pada tahap rendah.

Kesan kepada pekebun kecil, golongan miskin

Kelima, krisis memberi kesan besar kepada pekebun kecil dan golongan miskin. Agihan impak krisis lebih serius kepada pekebun kecil kerana kos pengeluaran meningkat dengan besar dan golongan miskin mengalami penurunan kuasa beli akibat inflasi.

Harga makanan tinggi baik kepada petani, tetapi dihalis kos pengeluaran tinggi, sebaliknya kesan kepada pengguna miskin lebih serius, iaitu menjejaskan nutrisi anak, lantas kualiti modal insan pada masa hadapan.

Keenam, gerak kerja 'segala-galanya seperti biasa' akan memberikan hasil sama. Ini bermakna meneruskan polisi dan struktur sama dalam sektor ini akan menghasilkan impak sama.

Lantas perubahan besar polisi dan struktur perlu untuk membina sektor makanan lestari, berdaya tahan serta setara seperti dicadangkan Sidang Kemuncak Sistem Makanan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) 2021.

Antitesis kepada naratif tertulis penyelesaiannya. Pertama, krisis makanan seperti pandemik memerlukan pendekatan seluruh negara, iaitu kerajaan, warga awam, swasta dan institusi awam serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Kedua, gejala kurang pengeluaran domestik, pergantungan import, pengeluaran suboptimum dan sektor dilanda serba defisit menghalak kepada satu arah, iaitu sudah sampai masanya sektor makanan diutamakan setelah sekian lama dilupakan sama ada secara sengaja atau tidak sengaja.

Ini bererti teras dan fokus sektor pertanian perlu menjurus pembangunan sektor makanan bagi menjamin sekuriti makanan negara lestari dan berdaya tahan. Jika 'Polisi Pertamakan Makanan' dilaksanakan dengan betul, ia mampu menjadikan Malaysia pengeksport makanan.



Petani perlu diperkasakan dengan kemahiran digital dan teknologi termaju untuk tingkat produktiviti. (Foto biasara)

Ketiga, petani dan pengguna miskin bukan beban kepada negara, sebaliknya pembekal tenaga insan pada masa hadapan. Lantas nutrisi, pendidikan dan kehidupan selesa adalah prasyarat penduduk sihat serta berproduktiviti tinggi. Dalam jangka pendek, mereka perlu dibantu secara terus sama ada kewangan, benda atau subsidi dan jaringan keselamatan sosial mencukupi.

Kedua-dua golongan ini hampir separuh penduduk negara. Jika mereka terjebak dalam kemiskinan, ia akan menyuburkan kepincangan sosial seperti berlaku di Sri Lanka dan Arab Spring di Mesir. Pelaburan ke atas golongan ini adalah untuk kestabilan pada masa hadapan.

Namun, polisi subsidi prorata untuk semua rakyat membebankan kerajaan kerana ia turut memberi subsidi kepada orang kaya tidak memerlukan.

Aplikasi data raya pantau agihan subsidi

Mengikuti anggaran kasar, kerajaan mampu menjimatkan RM22 bilion jika subsidi ditujukan hanya kumpulan sasar.

Kerajaan perlu menggunakan aplikasi data raya untuk memantau agihan subsidi secara talian. Kejayaan model aplikasi MySejahtera boleh diteladani untuk tujuan itu.

Keempat, petani ialah tulang sektor pertanian dan makanan negara. Mereka perlu diperkasakan dengan kemahiran digital dan teknologi termaju untuk meningkatkan produktiviti. Juga urusan pengeluaran dan pemasaran disusun melalui koperasi seperti dilaksanakan model negara yang kita rujuk pada 1960-an, iaitu Taiwan dan Korea. Koperasi petani di Korea menubuhkan 'pasarhiper' mereka sendiri untuk menyalurkan produk petani kepada pengguna.

Pendigitalan dan teknologi moden adalah wahan wajib untuk petani maju kerana ia meningkatkan produktiviti dan tidak memerlukan saiz kebun atau sawah besar seperti terbukti di Israel dan China.

Kelima, perubahan struktur bererti perubahan institusi. Ini merangkumi perombakan tatacara dan teras R&D pertanian negara supaya membantubina kapasiti pengeluaran makanan.

Sektor swasta juga perlu membantu. Knota ke atas isirung kelapa sawit perlu dilaksanakan untuk penggunaan sektor ternakan tempatan. Juga mengalihkan minyak kelapa sawit mentah kepada pengeluaran minyak tempatan dan makanan lain serta tidak biodiesel untuk mengurangkan beban belanjawan pengguna.

PETRONAS dicadangkan untuk menawarkan urea pada harga rendah kepada petani dan membangunkan industri baja tempatan dalam jangka panjang. Faedah kesan pengganda termasuk pengurangan kos pengeluaran, peluang eksport dan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berkaitan.

Keenam, korupsi dan ketirisan perlu dikurangkan. Monopoli dan pemusatan agihan input bukan sahaja menyuburkan gelagat 'rent-seeking' tetapi melemahkan pertumbuhan pasaran makanan serta input, terbukti dalam kes padi, beras dan baja. Hujah sama terpakai jika terdapat pasaran berpusat seperti oligopolistik, iaitu hanya beberapa firma menguasai pasaran dalam syer besar, membolehkan pakatan kartel.

Oleh **INTAN SUHANA CHE OMAR**
intansuhana@mediamula.com.my

ISU sekuriti makanan antara yang menjadi perbualan hangat ketika ini. Ia juga antara yang mendapat perhatian serius pakar serta penyelidikan ketika ini dalam menghasilkan inovasi yang boleh menambahkan kapasiti penghasilan makanan seperti sayur-sayuran dan buah-buahan.

Antaranya adalah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) yang menjalankan penyelidikan sumber baja penggalak baharu yang diperbuat daripada arang.

Pegawai Penyelidik Kanan Program Teknologi Baja Pusat Penyelidikan Sains Tanah, Air Dan Baja, Muhammad Syahren Adzhar berkata, kajian yang dijalankan sejak tahun 2005 itu menjalankan pengekstrakan asid humik daripada bahan kompos, arang batu jenis sub-bitumen dan lignit tempatan yang berkualiti rendah dan banyak diperolehi di Sarawak.

Penemuan penyelidikan itu kemudiannya menunjukkan asid nitro-humik (NHA) yang berkualiti tinggi boleh dikomersialkan daripada bahan arang batu tersebut.

"Baja berasaskan NHA kemudian diformulasikan bagi meningkatkan hasil padi, cili, tomato dan pelbagai sayuran secara meluas. Ia adalah baja penggalak pertumbuhan padi dan sayur-sayuran

"Daripada ujian lapangan yang dibuat, ia amat berkesan dalam meningkatkan hasil tanaman dan menyuburkan tanah," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

PENINGKATAN HASIL

Tambah Syahren, percubaan tanaman padi secara kawalan dan komersial turut dijalankan secara meluas dan menunjukkan hasil yang konsisten iaitu peningkatan sebanyak satu hingga dua tan per hektar.

Peningkatan hasil padi bagi aplikasi NHA yang dibuat adalah kerana peningkatan peratusan pengisian bijiran kepada 75 peratus berbanding 60 peratus bagi tapak petani sebelum ini.

"Formulasi NHA bagi tanaman cili dan tomato pula telah meningkatkan hasil sebanyak 15 hingga 25 peratus.

Dianggarkan saiz potensi pasaran produk NHA (baja foliar) mencecah 17 juta liter setahun. Nilai potensi pasaran untuk baja NHA dalam bentuk butiran (*granular* atau



FORMULASI NHA bagi tanaman cili dan tomato meningkatkan hasil tanaman sebanyak 15 hingga 25 peratus.

Inovasi arang jadi b penggalak tanama



Baja berasaskan NHA kemudian diformulasikan bagi meningkatkan hasil padi, cili, tomato dan pelbagai sayuran secara meluas. Ia adalah baja penggalak pertumbuhan padi dan sayur-sayuran."



28/7/2022

UTUSAN
MALAYSIAGAYA
INOVASI

25

ARANG berkaualiti rendah yang banyak terdapat di Sarawak



BAJA alternatif yang diperbuat daripada arang sebagai penggalak sayur-sayuran dan padi.

compound) NHA pula mampu mencecah billion ringgit melalui pasaran baja butiran di seluruh Malaysia yang selama ini dipenuhi dengan bahan import," jelasnya.

Hal ini kerana katanya, Malaysia tidak menghasilkan asid humik secara komersial, oleh itu, ia sememangnya berpotensi tinggi untuk formulasi produk baja.

MESRA ALAM

Selain sebagai penggalak tanaman, baja daripada sumber arang tersebut juga merupakan mesra alam dan mempunyai fungsi baik untuk kesuburan tanah pertanian.

Tidak dinafikan, penggunaan sumber tanah secara meluas serta aplikasi bahan kimia bagi aktiviti pertanian komersial telah mengakibatkan kekurangan sumber organik dalam tanah.

Kehilangan itu akan mengakibatkan perubahan struktur fizikal tanah serta degradasi sekaligus mengurangkan produktiviti tanah.

"Dengan aplikasi bahan humates (Humik asid), bahan organik dapat diurai secara perlahan untuk integrasi

dengan komponen mineral yang lain bagi meningkatkan kesuburan tanah, menggalak pengambilan nutrien oleh tanaman, meningkatkan aktiviti biologi dan keupayaan kapasiti memegang air," katanya.

Selain itu, teknologi pengekstrakan NHA yang telah dibangunkan itu juga sangat berkesan dengan konsistensi hasil sekitar 80 peratus serta mesra alam dan berskala besar dengan menggunakan kaedah oksidasi arang batu jenis sub-bitumin yang berkualiti rendah.

Proses pengekstrakan itu juga tidak melibatkan sebarang pembuangan sisa pencemaran kerana bahan yang digunakan dapat dikitar semula tanpa memberi kesan yang ketara dari segi peratusan hasil ekstrak dan karakteristik NHA.

Oleh itu, pencemaran akibat daripada pembuangan sisa pencemarannya dapat dihindari dengan kaedah teknologi kita semula yang telah dibangunkan.



SYAHREN menjalankan ujian makmal terhadap baja daripada sumber alternatif yang dihasilkan.

Sedia dikomersialkan

PADA tahun 2008 MARDI dan rakan industri telah memohon geran Technofund daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) bagi pembinaan kilang perintis dalam menghasilkan pengeluaran baja NHA berskala besar untuk pra-komersil dan validasi pasaran.

Menurut Syahren, teknologi NHA dan pelbagai produk baja tersebut kini telah bersedia untuk dikomersialkan.

ia juga berdasarkan kapasiti sumber yang mencukupi untuk

membolehkan ia dipasarkan.

"Sumber arang batu yang berkualiti rendah ini diperolehi di Sarawak yang mempunyai 198 juta tan simpanan.

"Namun, bagi masa hadapan bahan NHA juga masih boleh diperolehi dari ekstrak bahan kompos sisa pertanian yang telah pun dibangunkan," ujarnya lagi.

Inovasi baja itu juga telah berjaya menerima beberapa pengiktirafan di peringkat antarabangsa iaitu Pingat Emas EUREKA, Brussels, Belgium bagi kategori pertanian dan Pingat Emas IENA, Nurnberg, Germany bagi kategori kimia industri.



baja
an



BAJA NHA ini diformulasikan dalam bentuk cecair dan butiran mengikut keperluan penggunaan.